


*Sahabat Sastera @ Sembang Ilmu : NILA WARISAN II*

# **Wira(wati) - Emansipasi atau ketundukkan wanita?**

Sebuah analisis Syair Siti Zubaidah Perang Cina

*Suraya Binte Suhairi*

# SYAIR SITI ZUBAIDAH PERANG CINA




## Watak-Watak Utama:

- Siti Zubaidah / Sultan Syahar
- Sultan Zainal Abidin
- Sultan Darman Syah (ayah kepada Sultan Zainal)
- Permaisuri Tua (bonda kepada Sultan Zainal)
- Puteri Sajahah
- Puteri Rukiah
- Kilan Sura dan puteri-puteri Cina

## Adegan-Adegan Penting:

- Penghijrahan Sultan Zainal untuk mencari isteri
- Peperangan Yaman dan Menggala → Sajahah dijadikan isteri ke-2 Sultan Zainal
- Perang Cina di Kembayat
- Siti Zubaidah sebagai Raja Permaisuri

# MOTIF “DISGUISED HEROINE”



## Mulaika Hijjas (2011): Victorious Wives The Disguised Heroine in 19th Century Malay Syair

- Watak wanita menyamar sebagai seorang pahlawan lelaki untuk menentang musuh
- Identiti sebenar akan didedahkan pada akhir cerita
- Ganjaran dalam bentuk darjat dan hormat

### Penggunaan motif untuk:

- Memberi agensi kepada watak wanita
- Penglibatan aktif mereka dalam hal ehwal Istana
- Pandangan alternatif kepada pemikiran sejagat

# CIRI-CIRI WANITA DALAM SYAIR

## Ciri-Ciri Siti Zubaidah sebagai Wanita "Ideal"

- 4 ciri-ciri isteri untuk dijadikan isteri lailu hartanya, keturunannya, kecantikannya dan keagamaannya (menurut analisis Abdul Mutalib, 1983)
- Penekanan terhadap ciri-ciri fizikal yang memadai pantauan lelaki (male gaze)
- Taat kepada suami, lemah-lembut dalam pertuturan dan tingkah lakunya

(1)

“Jika dicari yang makrifat,  
cukup kepadanya syarat yang empat,  
habis kepadanya sempurna sifat,  
bandingnya itu sukar didapat.” (ms, 44 bait 6)

(2)

“Hidungnya mancung lehernya jinjang,  
pinggangnya ramping dadanya bidang,  
terlalu elok sederhana sedang,  
sedap manis mata memandang.” (ms 44, bait 8)

# CIRI-CIRI WANITA DALAM SYAIR

## **Ketidakseimbangan kuasa:**

- Antara watak lelaki dan perempuan
  - Wanita bangsawan menjalin hubungan politik antara kaum melalui perkahwinan
  - Seringkali, perjanjian dan perkahwinan disetujui oleh pihak lelaki, di antara bakal suami dan ayah (Puteri Sajahah)
- Antara watak-watak perempuan
  - Kuasa mengikut darjat dalam istana
  - Permaisuri Tua pada awalnya mempunyai kuasa total dalam Istana
  - Pilih kasih antara menantu mampu mendiktat kedudukan dalam Istana

## **Keterikatan wanita kepada pertalian perkahwinan**

- Peranan wanita terhad kepada bidang domestik (dalaman Istana)
- "Perangan nan bukan kerja perempuan" (ms 90)

# KEBERKESANAN MOTIF ?

## A. Keterbalikan ciri-ciri maskulin dan feminin

- Maskulin - Berani berperang dan tidak takut mati
- Feminin - Lemah dan harus diselamatkan
- Menyamar untuk memasuki arena perang yang maskulin  
Arena domestik (feminin) vs politik negara (maskulin)

## Adegan dalam syair

- Sultan Zainal diberikan sifat feminin kerana lemah dan tertawan oleh tentera wanita Cina. Perlu diselamatkan dan mendatangkan malu
- Siti Zubaidah / Sultan Syahar diberikan sifat maskulin kerana berjaya menentang askar Cina, dan mendapatkan sepakatan dengan Sultan-Sultan lain.

# KEBERKESANAN MOTIF ?

## B. Pertentangan Siti Zubaidah dengan Tentera Wanita Cina

- Mengapa tidak peperangan itu diketuai oleh kedu-dua wanita, antara Kilan Sura dan Siti Zubaidah? Mengapa harus menyamar?
- Mulaika (2011) menegaskan bahawa tujuan pertentangan itu belum selesai dengan kemenangan Siti Zubaidah
- Harus mendapatkan pampasan bagi rasa malu yang dihadapi Sultan

### Mendapatkan Pampasan

- Siti Zubaidah/Sultan Syahar memperoleh pampasan ini dengan mengahwinkan puteri-puteri Cina itu dengan Sultan-Sultan yang menjadi tawanan mereka.
- Dengan cara itu, peranan wanita dalam politik luaran negara, sekali lagi, terikat dengan perkahwinan antara kaum
- Puteri-puteri Cina sekaligus memeluk Islam

# KEBERKESANAN MOTIF ?

## B. Pertentangan Siti Zubaidah dengan Tentera Wanita Cina

### Mendapatkan Pampasan

### Pandangan Siti Zubaidah/Sultan Syahar

- Martabat wirawati Cina hanya dipandang kepada “nafsu” dan “daya” lemah mereka, dan bukan ketangkasan mereka
- Untuk menundukkan mereka, mereka akhirnya dikahwinkan
- Pemahaman ini yang tidak dipersoalkan oleh Siti Zubaidah walaupun sudah berpeluang mendokong takhta

(3)

“Ia perempuan tidak berdaya,  
Lagipun besar nafsunya dia.  
Kita laki-laki tidak berbahaya,  
Hendak dijadikan takluknya dia”



# KEBERKESANAN MOTIF ?

## C. Pilihan Madu Sendiri

- Wanita dalam syair seringkali diketepikan dalam perbincangan perkahwinan
- Siti Zubaidah diberikan agensi untuk memilih madunya sendiri (Rukiah dan Kilan Cahaya) walaupun tidak diingini Sultan Zainal
- Menegakkan status quo walaupun diberikan agensi

(4)

“Cukup empat apa salahnya,  
Kerana laki-laki sudah adatnya,  
Sunat konon mengikut Nabinya,  
Janganlah pulak mengurangkannya”  
(ms 354-355)

(5)

“Memberikan suaminya dengan rela,  
Sedikit tidak berhati cela,  
Terlalu suka hatinya pula,  
Kerana besar mendapat pahala” (ms 357, bait 5)

# PERBEZAAN DARJAT

“Puteri Rukiah konon digelaran,  
‘Permaisuri Bongsu’ pulak dijadikan,  
Kepada Zubaidah sangan dikarimkan,  
Daripada yang lain tidak disamakan.”

(ms 439, bait 5)

## Siti Zubaidah dan Puteri Rukiah

- Adakah agensi ini dapat dirasai oleh wanita yang tidak mempunyai darah raja, rangkaian atau darjat yang sama?
- Puteri Rukiah tidak diperikan perhatian atau kuasa setinggi Siti Zubaidah.
- Siti Rukiah yang pada mulanya setaraf dengan Siti Zubaidah, tatkala berperang, kini berada dibawah perintah Siti Zubaidah sebagai Raja Perempuan.
- Diiktiraf oleh Siti Zubaidah, dan bukan pengiktirafan am oleh negara.
- Perkahwinannya sekali lagi menjadi ganjaran ketara (tangible) yang mampu menaikkan statusnya.

# PERBEZAAN DARJAT

“Telah sudah sedemikian peri,  
Baginda menggelar ketiga puteri,  
Ketiganya itu dijadikan suri,  
Kapitan Zubaidah lela bestari”


(ms 439, bait 2)

## Siti Zubaidah dan Puteri Sajarah

- Pada akhirnya, Puteri Sajarah berbaik-baik dengan Siti Zubaidah kerana ibu mertuanya kini sudah terikat dengan Siti Zubaidah
- Puteri Sajarah digambarkan sebagai seorang yang iri hati, dan tidak rela bermadu.
- Walhal, perasaan beliau menunjukkan realiti hidup bermadu yang tidak dapat menjamin kesamarataan kasih sayang.
- Beliau juga tidak diberikan suara dalam pemilihan suami dan madu-madunya.

# RUMUSAN & RENUNGAN

1. **Peranan dan Ciri-Ciri Wanita Ideal**
2. **Sistem patriaki Istana dan keterikatan wanita kepada perkahwinan**
3. **Motif "Disguised Heroine"**
  - a. Memberi peluang bagi wanita untuk memasuki arena maskulin
  - b. Terhad kerana menegakkan status quo
  - c. Menghambat kedudukan wanita-wanita lain
4. **Darjat (keturunan dan kedudukan rumah tangga) penting untuk meraih kuasa**



*Sahabat Sastera @ Sembang Ilmu : NILA WARISAN II*

**TERIMA KASIH**

*Suraya Binte Suhairi*